

Hun Sen mampu selesaikan krisis di Myanmar - PM

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kemboja boleh menangani krisis kompleks di Myanmar bukan sahaja untuk penduduk negara itu tetapi Malaysia yang turut terkesan dengan limpahan pelarian Rohingya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, rakan sejawatnya, Hun Sen boleh meneruskan sumbangan idea memulihkan Myanmar kerana latar belakang pemimpin itu yang berpengalaman menguruskan soal pendamaian dengan secara kompleks.

“Perdana Menteri (Hun Sen) mempunyai kedudukan untuk menangani isu kompleks seperti Myanmar. Kami turut sentuh isu ini kerana ini bukan sahaja soal dalaman Myanmar, tetapi memberi kesan kepada Malaysia kerana lebih 200,000 pelarian terutamanya Rohingya.

“Saya berharap dapat sumbangan idea ketika Sidang ASEAN nanti iaitu mungkin satu kerangka komprehensif untuk menunjukkan kita memahami isu ini dan pada masa sama, pemimpin Junta Myanmar kena faham bahawa perkara ini tidak boleh diteruskan,” kata



ANWAR Ibrahim tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh untuk lawatan rasmi sehari ke Kemboja semalam. - GAMBAR PEJABAT PERDANA MENTERI

beliau pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dua hala bersama Hun Sen di Istana Keamanan, Phnom Penh semalam.

Terdahulu Anwar dan Hun Sen turut membincangkan pelbagai isu berkepentingan bersama termasuk untuk meneroka peluang kerjasama baharu

dan memperkukuhkan jalinan hubungan sedia ada.

Anwar dan delegasi tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh pukul 9.05 pagi waktu tempatan disambut Menteri Kanan Tugas-Tugas Khas Kemboja bagi Hal Ehwal Islam, Datuk Dr Othman Hassan selaku Menteri

Pengiring mewakili kerajaan Kemboja.

Menurut Anwar, kedua-dua negara berharap dapat mempertingkatkan kerjasama dalam sektor pelaburan, industri halal, teknologi digital, pendidikan dan pertahanan bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara.